

**Malaysia Mungkin Bankrap Jika Guna Pakai Manifesto Pakatan Pembangkang -
Najib
Bernama
24 April, 2013**

RANAU, 24 April (Bernama) -- Tidak mustahil Malaysia akan mengalami nasib seperti beberapa negara di Eropah yang akhirnya bankrap dan terpaksa 'melutut' (kepada Tabung Kewangan Antarabangsa) sekiranya mengguna pakai segala aku janji dalam manifesto pakatan pembangkang yang banyak menjanjikan pemberian 'benda yang percuma'.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata janji pakatan pembangkang itu tidak berasas dan dibuat semata-mata untuk meraih sokongan rakyat menjelang pilihan raya umum 5 Mei ini.

Sebelum ini Pakatan Rakyat mengumumkan Manifestonya yang antara lain memberikan pendidikan percuma dan menurunkan harga minyak.

"Pakatan buat janji macam-macam, tapi mana ada free dalam dunia ini, Tiada benda yang free di dunia. Kata orang putih there is no such thing as a free lunch.

"Kenapa negara Eropah (tertentu) bankrap? kerana mereka tidak mengurus (negara) dengan baik. Dia punya cukai tinggi, orang tak ada insentif, lepas tu ada ekonomi gelap, tak bayar cukai, akhirnya ekonomi mereka merundum.

"Kalau ini boleh berlaku kepada Eropah, mustahil tidak boleh berlaku pada negara kita. Dia boleh berlaku pada Malaysia, kalau kita gunakan segala-gala, laksanakan segala-gala yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Rakyat," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat di Dewan Masyarakat Ranau di sini Rabu.

Turut hadir Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, calon BN Parlimen Ranau Datuk Dr Ewon Ebin, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Karanaan Datuk Masidi Manjun, calon DUN Paginatan Datuk Sirigan Gubat dan calon DUN Kundasang Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Najib berkata pegawai-pegawai Kementerian Kewangan sudah mengambil kira dalam masa setahun sahaja Malaysia akan menjadi sebuah negara yang terpaksa "meminjam duit untuk bayar gaji dan subsidi".

"Kalau kita pinjam duit untuk bayar gaji, kita pinjam untuk bayar subsidi alamatnya kita akan bankrap. Tapi kalau kita guna hasil negara untuk bina sekolah dan sediakan prasarana untuk pelaburan dan untuk kemudahan rakyat, kita akan memacukan lagi ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

"Tapi kalau kita gunakan pinjaman untuk subsidi dan bayar gaji kerana 'free ini, free itu' alamatnya dalam masa satu atau dua tahun bankrap lah Malaysia," katanya.

Sambil mengambil contoh beberapa negara di Eropah yang mengalami keadaan ekonomi yang merundum, Najib berkata ini jelas kelihatan apabila negara "Greece melutut, ekonomi Itali tidak menentu, Perancis pun goncang, United Kingdom pun lemah ekonominya, mustahil kalau kita silap langkah perkara yang sama tidak boleh berlaku pada negara kita".

Bagaimanapun beliau berkata Malaysia di bawah kerajaan BN mengurus negara ini dengan baik, sehingga ekonomi negara ini berkembang pada kadar 5.6 peratus tahun lepas.

"Kita adalah antara negara paling ke depan dari segi ekonomi. Di bawah pentadbiran BN dan saya mengakui bahawa kerajaan BN Sabah pimpinan Datuk Seri Musa Aman juga mencapai pencapaian yang baik, antaranya belanjawan yang terbesar dan duit simpanan yang terbesar.

"Dengan cara seperti ini, kita lihat negara kita semakin maju dan inilah sebabnya apabila kita maju kita kembalikan kekayaan itu kepada rakyat. Sebab itu kita bagi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 1, BR1M 2 yang lebih baik dari BR1M 1 sebab orang muda pun dapat.

"BR1M 3 saya beri jaminan lebih baik dari BR1M 2 dan BR1M 4 lebih baik dari BR1M 3. BR1M 5 lebih baik lagi tapi kita naikkan secara berperingkat, dengan cara ini ekonomi kita berkembang, rakyat senang hati dan bila rakyat senang hati, rakyat akan bagi sokongan padu kepada BN," katanya.

Sehubungan itu, Najib mahu rakyat Sabah menolak pembangkang yang hanya pandai menabur janji kosong, sebaliknya memberi sokongan kuat kepada BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944866>